



**JABATAN PERTANIAN MALAYSIA**  
(Department of Agriculture Malaysia)  
WISMA TANI  
TINGKAT 5-7, JALAN SULTAN SALAHUDDIN  
50632 KUALA LUMPUR

Tel: 603-2030 1400  
Faks: 603-2691 7551  
E-mel: bkrpb.lesen@doa.gov.my  
Portal Rasmi: www.doa.gov.my

Rujukan Kami : JP.KRPB.100-15/2/9 Jld.3 (36 )  
Tarikh : 23 September 2024

## EDARAN SEGERA

### Semua Pemegang Lesen Penjualan Dan Penyimpanan Untuk Penjualan Racun Makhluk Perosak Akta Racun Makhluk Perosak 1974

Tuan/Puan,

#### PELAKSANAAN PROGRAM E-PEMBELAJARAN KURSUS ASAS PELESENAN RACUN MAKHLUK PEROSAK MELALUI SISTEM E-LESEN LEMBAGA RACUN MAKHLUK PEROSAK (e-LESEN LRMP)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, Lembaga Racun Makhluk Perosak (LRMP) telah mendigitalkan perkhidmatan pelesenan racun makhluk perosak di seluruh negara bagi tujuan memudahcara urusan permohonan lesen di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

3. Program e-Pembelajaran Kursus Asas Pelesenan Racun Makhluk Perosak merupakan program pembelajaran secara dalam talian melibatkan enam (6) modul bagi meningkatkan kesedaran pemegang lesen terhadap kepentingan pengurusan racun makhluk perosak secara berhemah. Enam (6) modul e-pembelajaran tersebut adalah seperti berikut:

- 3.1 Pengenalan Akta Racun Makhluk Perosak 1974
- 3.2 Lesen Penjualan dan Penyimpanan Untuk Penjualan
- 3.3 Lesen Pengendali Kawalan Makhluk Perosak
- 3.4 Asas Pelabelan Racun Makhluk Perosak
- 3.5 Keselamatan Makanan
- 3.6 Keselamatan Pengendalian Racun Makhluk Perosak

#### ANDA KAMI UTAMAKAN



MS ISO 9001:2015 (DSM 000565)



MS ISO 37001:2016 (ABMS 00275)

4. Sehubungan itu, semua pemohon lesen dikehendaki melengkapkan program pembelajaran tersebut dan memperolehi sijil bagi melayakkan Tuan/Puan membuat permohonan lesen penjualan dan penyimpanan untuk penjualan. Program ini adalah merupakan kursus mandatori sebelum permohonan lesen baharu dan memperbaharui lesen boleh dibuat menerusi modul e-Premis di sistem e-Lesen LRMP.
5. Program e-Pembelajaran Kursus Asas Pelesenan Racun Makhluk Perosak ini boleh dicapai menerusi modul e-Premis di portal sistem e-Lesen LRMP di pautan <https://lesenlrmp.doa.gov.my/>. Sebarang pertanyaan mengenai penggunaan modul e-Pembelajaran ini boleh dikemukakan terus kepada pihak LRMP yang akan memberikan maklumbalas yang sewajarnya terhadap setiap pertanyaan pengguna menerusi alamat e-mel [lesen\\_bkrpb@doa.gov.my](mailto:lesen_bkrpb@doa.gov.my) dan talian bernombor 03-20301400.
6. Oleh yang sedemikian, bermula **pada 1 Oktober 2024** kesemua permohonan lesen diwajibkan untuk mengikuti program e-Pembelajaran ini dan tidak memerlukan pemohon untuk memuatnaik (*upload*) sijil kehadiran kursus asas pelesenan racun makhluk perosak seperti sebelum ini. Semua pemegang lesen juga diwajibkan untuk melengkapkan kursus ini setiap lima (5) tahun sekali bagi tujuan *refreshment* sebelum urusan permohonan pembaharuan lesen dikemukakan kepada LRMP.
7. Di atas kerjasama yang diberikan oleh tuan/puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih jua.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(MAT IESAK BIN NGATHINEE)**





Setiausaha





Lembaga Racun Makhluk Perosak



s.k: Pengerusi Lembaga Racun Makhluk Perosak

Semua Kuasa Usaha BKRPB Negeri

**PANDUAN RINGKAS MANUAL PENGGUNA MODUL E-PEMBELAJARAN KURSUS ASAS PELESENAN RACUN MAKHLUK PEROSAK**

| BIL                               | SKRIN SISTEM  | KETERANGAN  |
|-----------------------------------|---|---|
| <b>A. PERMOHONAN BAHARU LESEN</b> |   |   |
| 1.                                |    | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Klik pada modul e-Premis</li> <li>2. Klik permohonan baharu</li> <li>3. Pilih nama syarikat</li> <li>4. Klik tab kursus</li> <li>5. Paparan modul e-pembelajaran kursus asas pelesenan akan terpapar</li> </ol>   |
| 2.                                |   | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Klik butang hijau (tambah peserta) untuk mengikut modul e-pembelajaran bagi setiap modul</li> <li>2. Nama yang ditambah secara automatik akan ditambah modul-modul lain</li> <li>3. Digalakkan peserta kursus adalah dari kalangan pemilik, pekerja dan kakitangan yang terlibat secara langsung dengan penjualan/pengendalian RMP</li> <li>4. Peserta boleh lebih daripada seorang</li> <li>5. Setiap peserta hanya boleh hadir bagi mewakili satu lesen sahaja</li> </ol> |
| 3.                                |  | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Klik pada senarai nama peserta untuk mula mengikuti modul e-pembelajaran sehingga selesai</li> </ol>  |
| 4.                                |  | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ikuti modul e-Pembelajaran sehingga selesai</li> </ol>  |
|                                   |   |   |

| BIL | SKRIN SISTEM   | KETERANGAN  |
|-----|--|---|
| 5.  |  <p>The screenshot shows a user interface with a question titled "Soalan 1". The question asks: "Apakah Akta yang mengawal pendaftaran, pengimportan, pengedaran dan penjualan Racun Makhhluk Perosak di Malaysia?". There are four radio button options: "Akta Lembaga Racun Makhhluk Perosak", "Akta Kawalan Racun Makhhluk Perosak", "Akta Racun Makhhluk Perosak 1974", and "Akta Racun Makhhluk Perosak". A "Hantar" button is visible at the bottom right of the question area.</p> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Selepas selesai sesi video latihan, sila klik butang "<b>Soalan</b>" untuk menjawab soalan yang disediakan. Markah <b>LULUS</b> ialah <b>50%</b>.</li> <li>2. Tekan butang hantar selepas selesai menjawab semua soalah</li> </ol>                              |
| 6.  |  <p>The screenshot shows a decision pop-up window titled "KEPUTUSAN". It displays the following information: "Nama: YONG MIE NINI", "No. MyKad: 270024-00-0241", "Pasport: 247802024", "Markah (%) : 50", and "Keputusan: LULUS". The "LULUS" status is highlighted in green.</p>   | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tekan butang keputusan untuk mengetahui sama ada LULUS atau TIDAK</li> <li>2. Sekiranya LULUS anda boleh terus untuk ke modul e-Pembelajaran seterusnya</li> </ol> <p>Sekiranya TIDAK jawab soalan sehingga LULUS</p>   |
| 7.  |  <p>The screenshot shows the application status page for a license. It includes a sidebar menu, a main content area with a "Permohonan" section, and a "Pemeriksaan" section. A large image of a license certificate is displayed at the bottom, featuring a QR code and official stamps.</p>   | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Paparan status modul e-Pembelajaran akan dipaparkan</li> <li>2. Sekiranya LULUS muatnaik sijil untuk simpanan rekod.</li> </ol>   |
| 8.  |  <p>The screenshot shows a payment confirmation screen titled "BAYARAN". It displays the amount "RM 750.00" and includes a list of terms and conditions. At the bottom, there are buttons for "Hapus Bayaran", "Semakan Status Bayaran", and "Hantar Bayaran".</p>  | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ulang langkah 3,4,5, 6 &amp; 7 bagi enam (6) modul e-Pembelajaran yang lain sehingga lengkap dan berstatus LULUS</li> <li>2. Setelah selesai sistem akan membenarkan pengguna untuk menghantar borang permohonan lesen dan pembayaran fi permohonan.</li> </ol> |

| BIL  | SKRIN SISTEM  | KETERANGAN  |
|--|---|---|
| <b>B. PEMEGANG LESEN AKTIF (BAGI TUJUAN PEMBAHARUAN LESEN)</b> |   |   |
| 1.   |  | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Klik pada modul e-Premis dan sub modul SENARAI PREMIS.</li> <li>2. Klik pada senarai premis yang dipaparkan</li> </ol>  |
| 2.   |  | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Klik pada tab kursus</li> <li>2. Ikuti langkah 2,3,4,5, 6 &amp; 7 seperti langkah mengikut e-Pembelajaran bagi permohonan lesen baharu</li> <li>3. Tab bagi kursus ini dibuka sepanjang masa selagi lesen pengguna masih berstatus aktif</li> <li>4. Kursus ini boleh diambil pada bila-bila masa mengikut kesesuaian pengguna</li> <li>5. Sekiranya kursus ini tidak lengkap pengguna tidak akan dibenarkan untuk meneruskan proses pembaharuan lesen sehingga enam (6) modul dilengkapkan dan berstatus LULUS.</li> </ol> |